

31/07/1997

Peter Kaye di Hotel Sunway Lagoon 13 Ogos

PETER Kaye yang terkenal sebagai penghibur pengajuk atau impresionis adalah tarikan utama pada majlis makan malam amal yang akan diadakan di Hotel Sunway Lagoon Resort pada 13 Ogos depan.

Majlis berkenaan diadakan bersempena pelancaran Yayasan Hepar Malaysia. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pelancaran yayasan berkenaan.

Presiden Yayasan Hepar Malaysia, Datuk Dr Ismail berkata sebahagian besar daripada kira-kira 2.5 juta rakyat Malaysia yang menghidap hepatitis tidak sedar mereka mempunyai penyakit ini.

"Yayasan ini ditubuhkan supaya kami dapat menyedarkan orang ramai serta memudahkan memberi latihan kepada doktor mendiagnosis, merawat dan mengelakkan penyakit hepar ini," katanya.

Sementara itu, Kaye boleh mengajuk lagak pemimpin dunia seperti Boris Yeltsin, Bill Clinton, atau pelakon terkenal seperti George Burns, Sean Connery, Sylvester Stallone, Arnold Schwarzenegger dan Lt Columbo.

Berlainan dengan kebanyakan impresionis yang hanya meniru cara seseorang personaliti itu bercakap, Kaye `menghidupkannya' dengan topeng getah yang dibuatnya sendiri.

Turut menghibur pada malam itu ialah penyanyi veteran tidak asing lagi, Yusni Hamid dengan kumpulan The Brothers-in-Law serta Stardust dari Filipina.

Harga bagi satu meja untuk majlis itu, yang dikecualikan daripada cukai, ialah RM10,000, RM8,000, RM5,000 dan RM3,000.

Sesiapa yang menderma RM50,000 ke atas boleh menyampaikan sumbangan itu terus kepada Perdana Menteri.

Untuk keterangan lanjut sila boleh hubungi Kristine atau Kong menerusi talian 03-2543455/2543566/2530200 atau faks 03-2530900.

(END)